

# PM: Pastikan akaun tahunan jabatan kerajaan kemaskini

MELAKA 10 Mac - Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri supaya memastikan jabatan-jabatan kerajaan mempunyai akaun tahunan yang kemaskini.

Perdana Menteri juga mahu soal pengauditan ini diberi keutamaan oleh ketua-ketua kerajaan negeri-negeri.

Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata ingatan Perdana Menteri itu terkandung dalam surat yang diterimanya berhubung perkara tersebut.

Beliau percaya Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri lain turut menerima surat yang sama.

Beliau berkata, ingatan Dr. Mahathir itu jelas menunjukkan keprihatinan Perdana Menteri kepada soal pengauditan.

Rahim bercakap kepada para wartawan ketika ditanya mengenai kelewatan beberapa

buah jabatan kerajaan menyerahkan akaun tahunan mereka untuk diaudit.

Baru-baru ini, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ishak Tadin berkata, beberapa buah badan berkanun pihak penguasa tempatan negeri ini termasuk Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB), Lembaga Air Melaka, Lembaga Muzium Negeri dan Yayasan Melaka masih lewat menyerahkan akaun tahunan mereka untuk diaudit.

Kebanyakan badan berkanun tersebut tidak menyerahkan akaun tahunan mereka dari tahun 1985.

Rahim berkata, beliau telah memberi penjelasan kepada Perdana Menteri berhubung soal tersebut.

Ditanya sama ada Perdana Menteri ada menetapkan had masa untuk memastikan sesebuah negeri bebas dari audit, beliau berkata Dr. Mahathir hanya mahu soal itu diselesaikan seberapa segera.

Tentang soalan lain pula, beliau berkata, tindakan Perdana Menteri menghantar surat yang khusus tentang itu jelas menunjukkan keprihatinan beliau terhadap masalah audit ini.

Kata Rahim, sekiranya akaun tahunan dapat diaudit dan sentiasa berada dalam keadaan kemaskini ia dapat memberi gambaran tentang sebarang kelemahan, penyelewengan dan kesilapan yang berlaku dalam sesuatu jabatan kerajaan.

Ini semua, katanya, dapat membantu meningkatkan lagi kecekapan sesebuah jabatan kerajaan.

Ini kerana, katanya, soal pengurusan kewangan merupakan nadi kepada pentadbiran.

Mengenai kelewatan beberapa jabatan kerajaan dalam menyerahkan akaun tahunan mereka untuk diaudit pula, Rahim berkata beliau telah mengarahkan semua ketua ja-

batan memastikan akaun tahunan mereka sentiasa berada dalam kemaskini dan terkini.

Rahim mahu soal kelewatan menyerahkan akaun tahunan dan menjawab pertanyaan berbangkit dari pihak audit dapat diselesaikan dengan segera.

Ditanya tentang punca kelewatan itu berlaku, beliau berkata, antara sebab-sebabnya mungkin kerana pertukaran ketua jabatan yang menjejaskan proses kesinambungan penyediaan audit tahunan, beban kerja dan terpaksa menggunakan khidmat juruaudit luar yang bertauliah untuk menyediakan akaun tahunan.

Kepada jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat, beliau memberi peringatan kepada mereka supaya mengemaskinikan akaun tahunan mereka untuk diaudit.